



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## SIARAN MEDIA

### GENERASI MUDA DISERU MENANAM POKOK UNTUK MASA DEPAN LESTARI DAN SEJAHTERA

Masyarakat khususnya generasi muda diseru mengambil peluang untuk bersama-sama menjadi ejen perubahan dengan menjadikan aktiviti penanaman pokok sebagai amalan berterusan dan gaya hidup demi masa depan yang sejahtera dan lestari.

Usaha ini bukan sahaja dapat memperkukuh ekosistem, malah membantu menstabilkan iklim, mengurangkan kesan perubahan iklim dan menjamin kesejahteraan ekonomi negara.

Demikian dinyatakan oleh Ketua Konservator Hutan, Datuk Zulkifli Suara ketika berucap di program penanaman pokok sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa (HHA) Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 di Hutan Simpan Sook Lake, Sook, Keningau, Sabah.

Sebanyak dua (2) buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sook dan Sekolah Menengah Kebangsaan Trus Madi, syarikat korporat dan pemimpin setempat terlibat dalam program hari ini dengan penanaman kira-kira 1000 batang pokok pelbagai spesies di sini, hari ini.

Turut serta Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dr Johari Abdul, Menteri Sumber Asli dan Immmmm Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin dan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Datuk Zahari Ibrahim.

Program hari ini merupakan tanggungjawab sosial korporat daripada Amanah Lestari Alam (ALAM), Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Kementerian Belia dan Sukan, Yayasan PETRONAS, Yayasan Sime Darby, dan SD Guthrie.

Menurut Arthur ketika ditemui pada Sidang Media, aktiviti penanaman pokok juga dapat menanamkan rasa cinta kepada alam sekitari dan bersesuaian dengan tema sambutan HHA iaitu Hutan dan Ekonomi. Ia memperlihatkan hutan juga penting sebagai sumber ekonomi kepada masyarakat luar bandar dan berharap generasi muda dapat menghargai hutan yang ada pada hari ini demi kelangsungan masa depan

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**  
**22 MEI 2026**

